NEGERI SELANGOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 74
No. 10

**13hb Mei 2021**

*TAMBAHAN No. 8*
*PERUNDANGAN*

## ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999

### Peraturan-Peraturan Lembaga Urus Air Selangor (Pengkompaunan Kesalahan) 2021

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 112 dan seksyen 127(*II*) Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 [*En.No. 2/1999*], Lembaga dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Lembaga Urus Air Selangor (Pengkompaunan Kesalahan) 2021**.

(2) Peraturan-peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

**Kesalahan yang boleh dikompaun**

2. (1) Kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun.

(2) Kesalahan yang disebut dalam subperaturan (1) boleh dikompaun dengan keizinan Pendakwa Raya dalam Borang A Jadual Kedua.

**Tatacara mengkompaun**

3. (1) Apabila menerima apa-apa maklumat atau aduan bahawa suatu kesalahan yang disebut dalam subperaturan 2(1) telah dilakukan, Pengarah, atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa di bawah Enakmen, boleh mengeluarkan suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan itu dalam Borang B Jadual Kedua kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu.

(2) Suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan adalah bagi tempoh empat belas hari, dan jika pembayaran penuh bagi jumlah yang ditawarkan itu dibuat pada atau sebelum habis tempoh empat belas hari itu, tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang yang telah melakukan kesalahan itu.

**Penyetujuterimaan kompaun**

4. Seseorang yang menyetuju terima suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan yang disebut dalam subperaturan 2(1) hendaklah menyetuju terima tawaran itu dalam Borang C Jadual Kedua.

**Pembayaran kompaun**

5. (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan di bawah subperaturan 3(1) disetuju terima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, dia hendaklah membayar kompaun itu—

*(a)* secara tunai dan diserahkan sendiri kepada Lembaga atau mana-mana cawangan yang ditentukan oleh Pengarah;

*(b)* melalui kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" yang kena dibayar kepada Lembaga Urus Air Selangor; atau

*(c)* melalui kad kredit atau pemindahan wang secara elektronik.

(2) Jika pembayaran dibuat mengikut perenggan (1)*(b)*, kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank hendaklah diserahkan sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar bayar dahulu ke alamat yang dinyatakan dalam tawaran untuk mengkompaun kesalahan.

(3) Suatu resit rasmi hendaklah dikeluarkan bagi tiap-tiap pembayaran yang diterima di bawah subperaturan (1) kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu telah dibuat.

(4) Suatu resit rasmi yang dikeluarkan di bawah subperaturan (3) hendaklah termasuk apa-apa resit elektronik jika pembayaran dibuat melalui kad kredit atau pemindahan wang secara elektronik sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (1)*(c)*.

**Pendakwaan boleh dimulakan jika tiada pembayaran dibuat**

6. Jika tiada pembayaran bagi kompaun yang telah ditawarkan itu dibuat dalam masa yang dinyatakan dalam subperaturan 3(2), pendakwaan bagi kesalahan itu bolehlah dimulakan tanpa sebarang notis selanjutnya.

**Pembatalan dan peruntukan peralihan**

7. (1) Peraturan-Peraturan (Pengkompaunan Kesalahan) Lembaga Urus Air Selangor 2006 [*Sel. P.U. 8/2006*] dibatalkan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), apa-apa kompaun atau notis yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan hendaklah terus sah seolah-olah ia dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

## Jadual Pertama

[Peraturan 2(1)]

KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN

Kesalahan yang berikut ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun:

| *(1)* *Undang-Undang* | *(2)* *Kesalahan Yang Boleh Dikompaun* |
|---|---|
| Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 [*En. No. 2/1999*] | Seksyen-seksyen 41(4), 43(4), 44(5), 45(7), 48(9), 49(3), 50(3), 52(7), 59(2), 63(4), 70(3), 72(4), 73(8), 75(7), 76(5), 78(4), 79(4), 93(3), 96(5), 98(4), 100(2), 105(3), 107, 111, 114, 121(2), 122(7). |
| Peraturan-Peraturan Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012 [*Sel. P.U. 43/2012*] | Peraturan 22 |
| Peraturan-Peraturan Navigasi Jalan Air Pedalaman (Negeri Selangor) 2012 [*Sel. P.U. 44/2012*] | Peraturan 52 |
| Peraturan-Peraturan Abstraksi Sumber Air (Negeri Selangor) 2012 [*Sel. P.U. 72/2012*] | Peraturan 19 |
| Peraturan-Peraturan Lembaga Urus Air Selangor (Pelesenan) 2012 [*Sel. P.U. 113/2012*] | Peraturan 26 |
| Peraturan-Peraturan Aktiviti Pengubahan Sumber (Selangor) 2013 [*Sel. P.U. 139/2013*] | Peraturan 27, 28 |
| Peraturan-Peraturan Pelencongan Air Bagi Penjanaan Elektrik (Selangor) 2014 [*Sel. P.U. 3/2014*] | Peraturan 16 |

JADUAL KEDUA

**Borang A**

[Subperaturan 2(2)]

ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2021

KEIZINAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 112(2) Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 [*En. No. 2/1999*] dan subseksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah [*Akta* 593], saya ..............................*(nama)*..................... dengan ini memberikan keizinan untuk mengkompaun .......................*(nama orang yang kepadanya tawaran kompaun itu dibuat)*................bagi kesalahan yang dilakukan di bawah ............................................ yang dikatakan telah dilakukan pada ....................*(tarikh)* di ............................................ ................................................................*(tempat)*.

Tarikh:

.......................................
Pendakwa Raya/
Timbalan Pendakwa Raya

**Borang B**

[Subperaturan 3(1)]

ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2021

TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN

Apabila menjawab sila nyatakan:
No. Siri: ................................
Tarikh: ...................................

Kepada:
.................................................................
.................................................................
.................................................................

Tuan/Puan,

Suatu penyiasatan telah dijalankan terhadap anda/ ........................................

..........................................................................................................................

*(nyatakan nama *pemilik/syarikat/perniagaan/badan lain*)*

dan anda didapati telah melakukan kesalahan di bawah *Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 [*En. No. 2/1999*]/Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah Enakmen

*(a)* *Peruntukan Enakmen/Peraturan-Peraturan yang berkaitan:

..........................................................................................................

.......................................................................................

*(b)* Tarikh : ........................................

*(c)* Masa : ........................................

*(d)* Tempat : ..........................................................

*(e)* Butir-butir kesalahan:

..........................................................................................................

..........................................................................................................

................................................

2. Menurut seksyen 112 Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999, anda ditawarkan suatu kompaun bagi kesalahan yang dinyatakan di atas bagi jumlah wang sebanyak RM .............................. (Ringgit Malaysia ............................ ...........................................................) sahaja.

3. Jika tawaran untuk mengkompaun kesalahan di atas diterima, pembayaran penuh hendaklah dibuat—

*(a)* secara *tunai/kad kredit/kiriman wang/wang pos/pesanan juruwang/ pesanan bank/draf bank dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" yang kena dibayar kepada Pengarah dan dihantar secara serahan tangan atau secara pos berdaftar prabayar ke alamat berikut:

..........................................................................................................

.......................................................................................; atau

*(b)* melalui pemindahan wang secara elektronik ke akaun yang berikut:

..........................................................................................

4. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila pembayaran kompuan itu diterima.

5. Tawaran ini sah sehingga ....................................

6. Jika tiada pembayaran diterima dalam tempoh yang disebut dalam perenggan 5, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan terhadap anda tanpa notis selanjutnya.

Tarikh ................................

..........................................
Pengarah

Nama: ....................................
Jawatan: .................................
Cop rasmi: ..............................

---

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

**Borang C**

[Peraturan 4]

ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2021

**PENYETUJUTERIMAAN TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN**

Kepada:

Pengarah,
..............................................
..............................................
..............................................

Tuan,

Saya merujuk kepada Tawaran Untuk Mengkompaun Kesalahan dengan nombor siri .............................. bertarikh ........................

2. Saya mengaku bahawa saya telah melakukan kesalahan ini dan saya menerima tawaran untuk mengkompaun itu dan disertakan bersama-sama ini *wang tunai/kad kredit/kiriman wang/wang pos/pesanan juruwang/pesanan bank/draf bank nombor rujukan ................................ dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" yang kena dibayar kepada Pengarah atau melalui pemindahan wang secara elektronik bagi jumlah wang sebanyak

RM ......................... (Ringgit Malaysia ........................................................ ....................................................) sahaja sebagai bayaran penyelesaian penuh bagi jumlah wang yang dinyatakan dalam perenggan 2 borang Tawaran Untuk Mengkompaun Kesalahan.

Tandatangan : ....................................................

Nama *(huruf besar)* : ....................................................

*No. Kad Pengenalan/Pasport : .......................................

Jawatan : ....................................................

Nama *Syarikat/Perniagaan, badan lain (jika berkenaan): ......................

Cop rasmi *Syarikat/perniagaan atau badan lain (jika berkenaan):

..........................................................

*No. Pendaftaran Syarikat/No. Lesen/No. permit (jika berkenaan) ...................

Alamat:

................................................................................

................................................................................

Tarikh: ..............................

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

Dibuat 9 April 2021
[LUAS. (R) 100-6/4/7, P.U. Sel. ADV. MMKN(R)01/35]

MOHD KHAIRUL ASHRAFF BIN RADZALI
*Setiausaha*
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*
*Selangor*

SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY ENACTMENT 1999

SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2021

IN exercise of the powers conferred by section 112 and section 127(*II*) of the Selangor Waters Management Authority Enactment 1999 [*En. No. 2/1999*], the Authority with approval of the State Authority makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These Regulations may be cited as the **Selangor Waters Management Authority (Compounding of Offences) Regulations 2021**.

(2) These Regulations shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

**Compoundable offences**

2. (1) The offences specified in the First Schedule are prescribed to be compoundable offences.

(2) The offences referred to in subregulation (1) may be compounded with the consent of the Public Prosecutor in Form A of the Second Schedule.

**Procedure for compounding**

3. (1) Upon receipt of any information or complaint that an offence referred to in subregulation 2(1) has been committed, the Director or any other officer duly authorised under this Enactment, may issue an offer to compound the offence in Form B of the Second Schedule to the person suspected of having committed the offence.

(2) An offer to compound an offence is for a period of fourteen days, and if full payment of the sum offered is made on or before the expiry of fourteen days, no further proceedings shall be taken against the person who committed such offence.

**Acceptance of compound**

4. A person who accepts an offer to compound an offence referred to in subregulation 2(1) shall accept the offer in Form C of the Second Schedule.

**Payment of compound**

5. (1) If an offer to compound an offence under subregulation 3(1) is accepted by the person to whom the offer is made, he may pay the compound—

*(a)* by cash and delivered personally to the Authority or any branch as determined by the Director;

*(b)* by money order, postal order, cashier's order, banker's order or bank draft crossed with words "Account Payee Only" made payable to the Selangor Waters Management Authority; or

*(c)* through credit card or an electronic fund transfer.

(2) If the payment is made in accordance with paragraph (1)*(b)*, the money order, postal order, cashier's order, banker's order or bank draft shall be delivered personally or sent by prepaid registered post to the address specified in the offer to compound offences.

(3) An official receipt shall be issued for every payment received under subregulation (1) to the person to whom the offer to compound is made.

(4) An official receipt issued under subregulation (3) shall include any electronic receipt issued if the payment is made through credit card or electronic fund transfer as specified in paragraph (1)*(c)*.

**Prosecution may be instituted if no payment made**

6. If no payment of the compound offered is made within the time specified in subregulation 3(2), prosecution for the offence may be instituted without further notice.

**Revocation and transitional provision**

7. (1) Selangor Waters Management Authority (Compounding of Offences) Regulations 2006 [*Sel. P.U. 8/2006*] are revoked.

(2) Notwithstanding subregulation (1), any compound or notice issued under the revoked Regulations shall continue to be valid as if it is issued under these Regulations.

## First Schedule

[Regulation 2(1)]

COMPOUNDABLE OFFENCES

The following offences are prescribed to be offences which may be compounded:

| *(1)* *Legislations* | *(2)* *Compoundable Offences* |
|---|---|
| Selangor Waters Management Authority Enactment 1999 [*En. No. 2/1999*] | Sections 41(4), 43(4), 44(5), 45(7), 48(9), 49(3), 50(3), 52(7), 59(2), 63(4), 70(3), 72(4), 73(8), 75(7), 76(5), 78(4), 79(4), 93(3), 96(5), 98(4), 100(2), 105(3), 107, 111, 114, 121(2), 122(7) |
| Emission or Discharge of Pollutants (State of Selangor) Regulations 2012 [*Sel. P.U. 43/2012*] | Regulation 22 |
| Inland Waterway Navigation (State of Selangor) Regulations 2012 [*Sel. P.U. 44/2012*] | Regulation 52 |
| Abstraction of Water Source (State of Selangor) Regulations 2012 [*Sel. P.U. 72/2012*] | Regulation 19 |

| *(1)* *Legislations* | *(2)* *Compoundable Offences* |
|---|---|
| Selangor Waters Management Authority (Licensing) Regulations 2012 [*Sel. P.U. 113/2012*] | Regulation 26 |
| Resources Alteration Activity (Selangor) Regulations 2013 [*Sel. P.U. 139/2013*] | Regulation 27, 28 |
| Diversion of Water for Electricity Generation(Selangor) Regulations 2014 [*Sel. P.U. 3/2014*] | Regulation 16 |

Second Schedule

**Form A**

[Subregulation 2(2)]

SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY ENACTMENT 1999

SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2021

**CONSENT TO COMPOUND OFFENCES**

In exercise of the powers conferred by subsection 112(2) of the Selangor Waters Management Authority Enactment 1999 [*En. No. 2/1999*] and subsection 376(3) of the Criminal Procedure Code [*Act 593*], I ....................*(name)* ................................. give consent to compound .............*(name of the person to whom the compound offer is made)*................ for the offence/offences committed under ........................................................................ which is/are said to have been committed on ..........................*(date) at* .......................... .........................................................*(place)*.

Date:

........................................
Public Prosecutor/
Deputy Public Prosecutor

**Form B**

[Subregulation 3(1)]

SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY ENACTMENT 1999

SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2021

**OFFER TO COMPOUND OFFENCE**

Please quote when replying:

Serial No.:

Date:

To: .........................................................

.................................................................

.................................................................

Sir/Madam,

An investigation has been conducted against you/ ........................................
.............................................................. and you are found to have committed
*(state name of *owner/company/business/other body)*
the offence under the *Selangor Waters Management Authority Enactment 1999 [*En. No. 2/1999*]/Regulations made under the Enactment with the following particulars:

*(a)* Relevant Provisions of the *Enactment/Regulations:

.....................................................................................

.....................................................................................

.....................................................................................

*(b)* Date : ...........................................

*(c)* Time : ...........................................

*(d)* Place : ............................................................

*(e)* Particular of offence: ...............................................

................................................

................................................

2. Pursuant to section 112 of the Selangor Waters Management Authority Enactment 1999, with the consent of the Public Prosecutor, you are offered a compound for the offence/offences stated above for the sum of RM ....................
(Ringgit Malaysia ..........................................................................) only.

3. If the above offer to compound is accepted, the full payment shall be made—

*(a)* by *cash/credit card/money order/postal order/cashier's order/banker's order/bank draft crossed with the words "Account Payee Only" made payable to the Director and send by hand or by prepaid registered post to the following address:

..........................................................................................................
.............................................; or

*(b)* through electronic fund transfer to the following account:

..................................................................

4. An official receipt will be issued on receipt of payment of the compound.

5. This offer shall be valid until .......................................... .

6. If no payment is received within the period referred to in paragraph 5, prosecution for the offence may be instituted thereafter against you without further notice.

Date: ....................................

................................................
Director

Name: ...........................................
Designation: ..................................
Official stamp: ..............................

---

**Delete whichever is inapplicable*

**Form C**

[Regulation 4]

SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY 1999

SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2021

**ACCEPTANCE OF OFFER TO COMPOUND OFFENCE**

To:

Director,
...............................................
...............................................
...............................................

Sir,

I refer to the Offer to Compound Offences bearing the serial number ............................. dated .....................................

2. I admit that I have committed this offence and I accept the offer to compound and enclosed herewith *cash/credit card/money order/postal order/ cashier's order/banker's order/bank draft reference number ........................... crossed with the words "Account Payee Only" made payable to the Director or through an electronic fund transfer for the sum of RM ......................... (Ringgit Malaysia .........................................................................) only as full settlement of the sum stipulated in paragraph 2 of the Offer to Compound Offences form.

Signature : .................................................
Name *(in capita/letter)* : .................................................
*Identity Card No./Passport No. : .....................................
Designation : .................................................
Name of *company/business/other body *(if applicable):*
..........................................................................................
*****Company seal/Stamp of business or other body (if applicable): ...................
*Company Registration No./Licence No./Permit No. *(if applicable):*
..........................................................................

Address:
.....................................................................................
.....................................................................................

Date: ................................

---

**Delete whichever is inapplicable*

Made 9 April 2021
[LUAS. (R) 100-6/4/7, P.U. Sel. ADV. MMKN(R)01/35]

MOHD KHAIRUL ASHRAFF BIN RADZALI
*Clerk*
*State Executive Council Meeting*
*Selangor*

**Hakcipta Pencetak** (H)
**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

PNMB
DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA